

Peminjam PTPTN culas disenarai CCRIS 1 Januari

CCRIS - Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat

Diwujudkan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengumpul maklumat kredit (hutang) setiap pelanggan institusi kewangan dalam satu laporan.

Laporan CCRIS mempamerkan jumlah pinjaman, kadar faedah dan tunggakan setiap peminjam, selain maklumat ringkas saman atau muflis yang dihadapi.

Kesan Penyenaian CCRIS

Institusi kewangan akan merujuk status kredit (hutang) peminjam melalui Biro Kredit BNM, setiap kali mereka memohon pinjaman.

Laporan CCRIS jadi pertimbangan institusi kewangan dalam melulus atau menolak pinjaman yang mahu dibuat mereka yang disenaraikan.

Peminjam sukar dapat pinjaman bank jika laporan CCRIS menunjukkan rekod bayaran pinjaman mereka tidak memuaskan.

Peminjam boleh mendapatkan salinan laporan CCRIS bagi mengetahui status pembayaran mereka sama ada teratur, tertunggak atau terlewat bayar.

» Tempoh dua bulan diberi untuk runding bayaran, elak tindakan

BH. 6/11/14 MSR

Oleh Mohd Hamizar Hamid,
M Hifzuddin Ikhsan
dan Lum Chee Hong
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Nama 173,985 peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang gagal membayar balik pinjaman berjumlah RM1.23 bilion sejak lebih 10 tahun lalu, akan disenaraikan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) Bank Negara Malaysia (BNM) mulai 1 Januari ini.

Mereka adalah sebahagian daripada 558,475 individu yang dikategorikan sebagai peminjam culas oleh PTPTN, membabitkan pembiayaan berjumlah RM4.3 bilion, yang akan berdepan tindakan sama secara berperingkat, jika masih ingkar.

bagi menyelesaikan hutang pinjaman mereka. PTPTN akan bantu menstrukturkan semula bayaran balik pinjaman sehingga 30 tahun dengan bayaran serendah RM50 sebulan.

Diskaun 20 peratus

"Jika tampil berunding dalam tempoh ini, nama mereka tidak akan disenaraikan dalam CCRIS. Malah diskaun 20 peratus diberikan sehingga Mac tahun hadapan, jika membuat bayaran balik sekali gus.

"Tawaran diskaun 10 peratus akan diberikan, jika peminjam membuat pembayaran balik se-



rah yang hanya mengenakan kos upah satu peratus pada kadar sama rata mulai Jun 2008.

"Masyarakat perlu sedar, PTPTN hanya menerima dana kerajaan berjumlah RM5 bilion ketika penubuhannya dahulu dan selepas itu kita terpaksa meminjam daripada institusi kewangan termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Institusi ini mengenakan caj faedah lebih lima peratus ke atas setiap pinjaman kepada PTPTN, namun peminjam hanya dikenakan caj upah satu peratus dengan bakinya ditanggung kerajaan," katanya.



RM48.36
bilion

pinjaman diagihkan
PTPTN sejak tahun 1997
kepada 2.1 juta peminjam

RM5.41
bilion

jumlah kutipan balik

22,361
peminjam

memperoleh keputusan
cemerlang dikecualikan
bayaran RM610.39 juta

Pengerusi PTPTN, Datuk Shamsul Anuar Nasarah, berkata sikap culas peminjam membuatkan pihaknya berdepan kekangan kewangan hingga menyebabkan nilai pembiayaan kepada kira-kira 200,000 pelajar baharu mendaftar mulai 1 November terpaksa dikurangkan lima dan 15 peratus.

Beliau berkata, penyenaaraan CCRIS adalah maklumat yang dirujuk oleh semua institusi kewangan di negara ini bagi mengetahui sejarah dan rekod kredit peminjam sedia ada atau peminjam yang mahu membuat sebarang pinjaman baharu.

“Dalam tempoh dua bulan ini, semua peminjam diberi peluang tampil berunding dengan PTPTN

lama 12 bulan berturut-turut bermula Januari hingga Disember tahun hadapan,” katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

Setakat 30 September lalu, PTPTN hanya menerima bayaran balik pinjaman pendidikan berjumlah RM5.41 bilion daripada 996,610 peminjam sejak ditubuhkan mulai tahun 1997, walaupun selepas pelbagai tawaran menarik diberikan kepada peminjam.

Pembiayaan Ujrah 1 peratus

Shamsul Anuar berkata, sekiranya kos pentadbiran empat peratus dijadikan alasan peminjam enggan membayar balik, pihaknya sudah menukarkan sistem konvensional itu kepada pembiayaan Uj-

“

Dalam tempoh dua bulan ini, semua peminjam diberi peluang tampil berunding dengan PTPTN bagi menyelesaikan hutang pinjaman mereka”

Shamsul Anuar Nasarah,
Pengerusi PTPTN

Tukar jadi biasiswa

Shamsul Anuar berkata, sehingga 30 September tahun ini, 22,361 peminjam PTPTN yang memperoleh keputusan cemerlang dalam pengajian masing-masing iaitu Ijazah Sarjana Muda Keupujian Kelas Pertama atau setarafnya, menikmati pengecualian bayaran balik berjumlah RM610.39 juta.

Beliau menegaskan, semua pelajar sepatutnya menjadikan pengecualian bayaran berdasarkan keputusan cemerlang itu sebagai sasaran mereka dan bukannya enggan membayar balik pembiayaan kerana tindakan itu hanya menutup peluang pelajar baharu yang memerlukan pinjaman.

INFO

PERBANDINGAN PENGIRAAN KOS PENTADBIRAN 3% DAN KOS UPAH 1%

Jumlah pembiayaan (RM)	Tempoh bayaran balik (tahun)	Jumlah kos pentadbiran 3% setahun baki berkurangan (RM)	Jumlah upah 1% setahun kadar rata (RM)	Penjimatan (RM)	Penjimatan (%)
5,000	5	474	250	224	47
10,000	5	948	500	448	47
15,000	10	2,940	1,500	1,440	49
21,000	10	4,116	2,100	2,016	49
48,000	15	13,829	7,200	6,629	48
64,000	20	24,470	12,800	11,670	48
100,000	20	38,235	20,000	18,235	48
150,000	20	57,354	30,000	27,354	48





INFO

STATISTIK PEMINJAM YANG TIDAK PERNAH MEMBUAT BAYARAN

TAHUN PATUT MULA MEMBAYAR	ANGGARAN UMUR PEMINJAM	BILANGAN PATUT MULA MEMBAYAR	TELAH MEMBUAT BAYARAN		TIDAK PERNAH MEMBUAT BAYARAN	
			BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS
1998	38	10	10	100.00%	0	0.00%
1999	37	2,404	2,402	99.92%	2	0.08%
2000	36	7,866	7,665	97.44%	201	2.56%
2001	35	15,131	14,075	93.02%	1,056	6.98%
2002	34	36,442	33,025	90.62%	3,417	9.38%
2003	33	63,512	56,415	88.83%	7,097	11.17%
2004	32	55,963	48,428	86.54%	7,535	13.46%
2005	31	56,218	49,032	87.22%	7,186	12.78%
2006	30	177,577	148,722	83.75%	28,855	16.25%
2007	29	108,358	87,044	80.33%	21,314	19.67%
2008	28	154,931	133,730	86.32%	21,201	13.68%
2009	27	111,027	86,464	77.88%	24,563	22.12%
2010	26	152,749	101,191	66.25%	51,558	33.75%
JUMLAH 1998-2010		942,188	768,203	81.53%	173,985	18.47%



B/H 6/11/12 M.S 9

Selepas penyenaian dalam CCRIS, saya berasakan peminjam lain juga akan mula memandang serius terhadap pentingnya perkara ini dan berusaha membuat pembayaran serta penstrukturan semula”

Agos Cholan,
Ketua Eksekutif PTPTN



Ezrawati Rosdi menyepak sesawang PTPTN untuk pelbagai urusan di Wisma Chase Perdana, Kuala Lumpur.
[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]



Peminjam membuat pembayaran di kaunter PTPTN Perlis.
[FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH]

INFO

KELULUSAN PINJAMAN PENDIDIKAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2014

TAHUN	BILANGAN PINJAMAN	AMAUN KESELURUHAN (RM 'JUTA)

'Bukan tak mampu, sengaja enggan bayar'

Kuala Lumpur: "Bukan tak mampu, tetapi sengaja enggan membayar pinjaman, walaupun sudah mempunyai kerjaya yang baik atau berjaya dalam kehidupan," dedah Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agos Cholan.

Beliau berkata, sikap itu terbukti apabila ada di antara peminjam PTPTN, tampil membayar pinjaman mereka sekali gus, sebaik *BH* mendedahkan laporan mengenai nama peminjam tegar akan disenaraikan dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat (CCRIS) Bank

Negara Malaysia (BNM).

"Selepas hampir 10 tahun mendiamkan diri, baru-baru ini ada di antara mereka yang selama ini gagal dikesan, tampil membuat pembayaran. Lebih menarik, mereka mampu membayar sepenuhnya tunggakan pinjaman itu.

"Ini membuktikan ada dalam kalangan peminjam PTPTN, yang mempunyai pendapatan yang baik dan berjaya dalam hidup, cuma sengaja tidak mahu membayar pinjaman," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini, semalam.

Agos berkata, sejak pendeda-

han mengenai cadangan penyenaaran nama peminjam yang culas dalam CCRIS, kutipan bayaran balik oleh PTPTN meningkat daripada purata RM1.8 juta kepada RM2.5 juta sehari.

Beliau berkata, nama 173,985 peminjam yang akan disenaraikan dalam CCRIS mulai 1 Januari ini, adalah mereka yang dikesan tidak pernah membuat pembayaran balik melebihi tiga tahun dari tarikh sepatutnya mula berbuat demikian.

"Selepas penyenaaran dalam CCRIS, saya berasakan peminjam lain juga akan mula memandang serius terhadap pen-

tingnya perkara ini dan berusaha membuat pembayaran serta penstrukturan semula.

Kutipan dijangka meningkat

"Jika usaha ini berhasil, PTPTN akan menambah kutipan pada masa akan datang dan dijangka dapat mengutip sejumlah RM1 bilion tahun hadapan dan RM1.5 bilion pada tahun seterusnya," katanya.

Berdasarkan rekod PTPTN, seramai 79,134 peminjam melunaskan pinjaman mereka sekali gus di antara 1 Oktober 2012 hingga 30 September tahun lalu.

Mereka berbuat demikian susulan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengenai diskaun 20 peratus diberikan kepada peminjam PTPTN yang melangsaikan pinjaman dalam tempoh terbabit.

Diskaun sama ditawarkan kerajaan kepada peminjam seperti diumumkan Perdana Menteri pada pembentangan Bajet 2015 lalu bagi peminjam yang membuat bayaran penuh antara 10 Oktober lalu hingga 31 Mac tahun depan.

1997	11,279	206.24
1998	17,223	339.93
1999	85,429	1,732.20
2000	86,441	1,714.81
2001	98,940	1,946.94
2002	97,854	1,850.34
2003	108,654	1,760.52
2004	118,114	2,232.56
2005	142,205	2,729.14
2006	130,323	2,759.05
2007	60,585	1,393.71
2008	103,549	2,294.92
2009	166,272	4,382.71
2010	217,099	5,484.03
2011	208,543	5,112.02
2012	192,356	4,720.02
2013	202,125	5,075.16
2014	102,564	2,623.63
JUMLAH KESELURUHAN	2,149,555	48,357.93

INFO

PRESTASI BAYARAN BALIK SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2014

KATEGORI	BILANGAN PINJAMAN	JUMLAH (RM 'JUTA)
Jumlah perlu bayar balik	1,555,085	11,986.41
Jumlah telah bayar balik	996,610	5,415.99
Jumlah tidak membuat bayaran balik	558,475	4,304.65
Peratus bayaran balik (%)	64.09	45.18